

# Hubungan 50 tahun Malaysia - Indonesia

Oleh SOPHA SULAIMAN  
(Di Jakarta, Indonesia)

PRESIDEN Susilo Bambang Yudhoyono mempunyai sebab untuk merasa terharu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyebutkan bahawa Malaysia akan menjadi sahabat sejati Indonesia baik semasa suka mahupun duka.

Susilo meluahkan perasaan itu semasa sidang akhbar bersama selepas majlis penganugerahan bintang penghormatan tertinggi Republik Indonesia, Adipradana kepada Abdullah di Istana Merdeka, Jakarta kelmarin.

Anugerah itu diberikan kerana sumbangan Abdullah terhadap rakyat dan pembangunan Indonesia.

Rasa terharu Susilo itu kerana Malaysia menganggap negara Indonesia sebagai adik-beradik terutama apabila rakyat dan kerajaan Malaysia memberikan bantuan yang berterusan semasa pelbagai bencana alam menimpa Indonesia.

Yang terbaru ialah bantuan kemanusiaan dari kerajaan Malaysia untuk mangsa banjir di Jakarta.

Hubungan diplomatik Malaysia - Indonesia sebenarnya telah mencapai usia 50 tahun, selepas kedua-dua negara bebas daripada penjajahan Inggeris dan Belanda.

Tempoh 50 tahun jalinan hubungan itu telah meletakkan kedua-dua negara pada landasan cukup kukuh untuk maju

dan kental menghadapi cabaran yang datang dari luar.

Keakraban kedua negara serumpun itu merangkumi pelbagai bidang dan lapisan masyarakat dan kini hubungan itu dikatakan yang terbaik sepanjang tempoh itu.

Dalam tempoh masa yang panjang itu, kedua negara telah melalui pelbagai peristiwa pahit dan manis dalam perjalanan sejarahnya.

Sejarah juga merakamkan bahawa Malaysia dan Indonesia pernah berkonfrontasi pada awal tahun 1960-an hingga mengakibatkan pertumpahan darah sebelum termeterai perjanjian damai.

## Pasang surut

Dalam tempoh itu juga persahabatan kedua negara mengalami pasang surut kerana beberapa isu melibatkan tuntutan wilayah di sempadan dan peristiwa yang melibatkan rakyat kedua buah negara.

Namun persaudaraan Malaysia dan Indonesia tetap kekal kerana saling bergantung dalam aspek-aspek tertentu.

Malaysia memerlukan ramai tenaga kerja dari Indonesia untuk membina negara dalam industri pembinaan dan sektor perladangan.

Indonesia pula memerlukan bantuan Malaysia dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyatnya selain dalam kerjasama bidang pelaburan.

Sejarah juga menyaksikan hubungan

kedua negara sejak zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Majapahit sehingga datang penjajahan Barat.

Walaupun persaudaraan Malaysia - Indonesia telah lama terjalin tetapi ada usaha atau cubaan untuk merenggangkan ikatan yang telah terjalin itu.

Menurut Abdullah, beliau amat gembira kerana hubungan dua hala kedua-dua negara kini semakin matang dan menunjukkan arah yang lebih positif pada masa akan datang.

Ini dapat dilihat dengan peningkatan kerjasama dalam berbagai bidang seperti perladangan, perbankan, perdagangan, komunikasi, pendidikan, kebudayaan dan hal-hal lain.

Sebagai contoh, pelaburan Malaysia di Indonesia telah meningkat sebanyak AS\$2.2 bilion, iaitu pelaburan luar terbesar di Indonesia.

Menjadi harapan Perdana Menteri bahawa hubungan dua hala Malaysia dengan Indonesia akan terus berjalan lancar demi faedah rakyat.

Isu yang menjadi pertikaian kedua negara terutama tuntutan bertindih di kawasan sempadan darat dan laut diselesaikan melalui saluran diplomatik.

Seperti kata Perdana Menteri, kedua buah negara tidak akan membiarkan isu persempadanan menjadi halangan bagi membangunkan kerjasama ekonomi yang mantap dan berpotensi.

Pertikaian mengenai blok Ambalat yang dikatakan kaya dengan minyak

dan gas sebelum ini pernah mencetuskan reaksi keras rakyat Indonesia diharapkan tidak akan merenggangkan hubungan kedua negara.

Abdullah menyatakan terharu apabila Indonesia yang kerap mengalami bencana juga bersedia memberikan bantuan kepada rakyat Malaysia semasa bencana besar di Johor Disember lalu.

Sudah sewajarnya Malaysia dan Indonesia yang mempunyai berbagai persamaan dalam agama, bahasa dan kebudayaan terus menjadi sahabat sejati sepanjang masa.

Kekayaan negara dan kepakaran yang dimiliki oleh rakyat kedua negara itu sebenarnya boleh dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi supaya menjadi satu pakatan yang akan dihormati oleh negara lain.

Keakraban Malaysia - Indonesia itu mungkin tidak disenangi oleh negara lain yang dilihat menjadi 'ancaman besar' kepada negara berkenaan.

Apatah lagi kedudukan Malaysia dan Indonesia berada di kawasan yang cukup berpotensi di segi pasaran ekonomi, di antara pertembungan blok Barat dan Timur.

Oleh itu Indonesia dan Malaysia perlu menjadi jiran yang baik sepanjang zaman apatah lagi kedua negara merupakan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan majoriti penduduknya mempunyai fahaman dan antutan agama yang sama.

- Utusan